

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 02 Februari 2017 12:17
To: UUM - All Staff
Subject: IPQ DAN SoIS MEMBUAT PERSIAPAN UNTUK MENGHADAPI AUDIT PENSIJILAN SEMULA AUN-QA



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



2 FEBRUARI 2017 / 5 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

**IPQ DAN SoIS MEMBUAT PERSIAPAN UNTUK MENGHADAPI AUDIT
PENSIJILAN SEMULA AUN-QA**



IPQ Online: Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa Dengan Kepujian merupakan program pertama menerima Pensijilan daripada ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA) pada tahun 2013. Sebagai persiapan menghadapi Audit Pensijilan Semula AUN-QA yang dijangka akan berlangsung pada Oktober 2017, satu perbincangan telah diadakan pada 31 Januari 2017 di antara Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) dan Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, SoIS.

Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin, Pengarah IPQ dan pihak SoIS terdiri daripada Dr. Mohamed Zaki Ahmad, Timbalan Dekan SoIS dan juga merangkap Konsultan AUN-QA UUM bersama Jawatankuasa AUN-QA SoIS. Perbincangan ini diadakan bagi membincangkan persiapan rapi yang perlu dilakukan kerana audit pensijilan semula ini merupakan kali pertama bagi program UUM. Di samping itu, ahli mesyuarat telah membincangkan dapatan audit dan penambahbaikan yang telah dan perlu dilakukan oleh pusat pengajian bagi memastikan audit tersebut berjalan dengan lancar.

Pihak IPQ mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa AUN-QA SoIS yang telah memberi komitmen yang tinggi sepanjang perbincangan berlangsung. Semoga Pensijilan AUN-QA bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa Dengan Kepujian akan berjaya dikekalkan.

HABIS.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.